

**ISLAM DAN MELAYU: MARTABAT UMAT DAN DAULAT RAKYAT**, oleh Siddiq Fadzil. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan dan Kolej Dar al-Hikmah. 2012. Halaman 209. ISBN 978-967-11110-0-0.

Buku ini menghimpunkan 13 makalah yang pengulas kelompokkan kepada lima tema mengikut kronologi. Tema pertama menelusuri Sejarah Islam dan Melayu, tema kedua ialah Teras Islam dan Melayu, tema ketiga membahaskan persoalan Kepimpinan, tema keempat berkaitan Ilmu, Bahasa dan Sastera manakala tema kelima mengemukakan Strategi Mengangkat Martabat Umat dan Daulat Rakyat.

Tema pertama yang menelusuri Sejarah Islam dan Melayu memuatkan dua makalah yang penting iaitu “Menatap Wajah Citra Melayu dalam Sejarah” dan “Pantang Melayu diaibkan: Bangsa Bermaruah tidak rela dihina”. Kedua-dua makalah menyorot pensejarahan Islam dan Melayu. Dalam konteks ini, pengarang menyesali fenomena memperlekehkan Melayu sama ada oleh orientalis mahupun tokoh tempatan yang terbuai dengan Barat. Bagi pengarang, Barat itu sarat dengan materialisme, kapitalisme dan rasionalisme.

Materialisme adalah falsafah hidup yang tertumpu kepada kebendaan semata-mata. Kapitalisme pula merupakan sistem ekonomi dan sosial yang cenderung kepada pengumpulan kekayaan individu melalui aktiviti yang bermatlamatkan keuntungan. Rasionalisme menempatkan akal sebagai sumber pengetahuan dan kebenaran, lantas menolak wahyu yang dianggap tidak logik. Ideologi Barat itu rapuh kerana diliputi dengan segala kekurangan sedangkan Islamisasi telah mencipta Melayu Baru yang berpaksikan maruah dan keadilan. Maruah akan dapat dibina melalui penghormatan dan penghargaan. Maruah bangsa tidak dapat diangkat melalui penghinaan. Pengarang menyorot sumpah setia (*wa'ad*) antara Seri Teri Buana (raja) dengan Demang Lebar Daun (rakyat) yang berpaksikan maruah dan keadilan. Pengarang menyeru supaya Melayu kembali kepada Islam melalui pendidikan watak dan pembentukan nilai budaya yang berkualiti.

Persoalan maruah amat penting dalam tradisi Islam. Krisis moral seperti amalan rasuah yang menjatuhkan maruah ditonjolkan oleh pengarang melalui puisi “Di Negeri Amplop” karya Mustofa Bisri yang antara lain menyatakan, “di negeri amplop, amplop-amplop mengamplopi, apa saja dan siapa saja.” Maruah keIslaman mesti dipertahankan dengan maksud mentaati perintah Allah SWT dan hidup dalam kerangka Islam. Walaupun dalam krisis dan konflik, maruah dan ketaatan kepada Allah SWT tidak boleh ditawar-tawar. Pengarang mencatat kata-kata Saidina Ali ketika berhadapan dengan musuh politik yang khianat dan tidak berakhlak;

“Sesungguhnya dia tidak lebih baik daripada aku, hanya aku yang tidak sanggup melakukan apa yang dia lakukan. Andainya aku sanggup melakukannya, akulah orang (ahli politik) yang paling licik.”

(Hlm. 17)

Tema kedua ialah Teras Islam dan Melayu. Tema ini terangkum dalam empat makalah yang berjudul, “Memaknai Kemerdekaan: Pembebasan, Pencerahan dan Pemeraksanaan”, “Pemberdayaan Umat: Kembalikan Daulat Keinsanan Rakyat!”, “Daulat Syari’at dan Daulat Rakyat dalam Pemikiran Politik Islam” dan *Wasatiyyat al-Islam: Melihat Kembali Erti dan Aplikasi Moderasi Islam.*”

Gagasan Islam menegaskan tentang pembebasan, pencerahan dan pemerksaan. Pembebasan melibatkan usaha membebaskan diri daripada kerosakan dalaman angkara penjajahan Barat. Fenomena kerosakan dalaman yang disebabkan oleh penjajahan Barat ini diistilahkan oleh Malek Bennabi sebagai *colonizability*. Pengarang juga menampilkan beberapa orang sarjana yang membincangkan usaha pembebasan daripada kemiskinan (Za'aba), pembentukan jiwa merdeka melawan jiwa hamba (Burhanuddin al-Helmi) dan melepaskan diri dari minda tawanan (Syed Hussein Alatas). Misi pembebasan berkait-rapat dengan pencerahan dan pemberdayaan.

Usaha pemberdayaan umat memerlukan *islah* dan *tajdid*. *Islah* dan *tajdid* itu semestinya mengakar pada prinsip wahyu dan mengambilkira realiti masa kini. Pemberdayaan umat memerlukan usaha memugar keinsanan dan Islam sememangnya mempunyai kekuatan perubahan yang luar biasa. Usaha pemberdayaan memerlukan sistem pendidikan yang mantap. Walau bagaimanapun, dunia masa kini menghadapi krisis pendidikan yang terdera oleh politisasi dan komersialisasi. Dalam hal ini, pengarang menulis:

“Politisasi dan komersialisasi yang melampau-lampau telah Mengakibatkan pendidikan kehilangan esensinya sebagai proses pengutuhan insan. Menutup-nutupi krisis yang sebenarnya cukup kronik ini hanya menipu diri sendiri.”

(Hlm.48)

Kedaulatan Islam berpaksikan pada Tauhid. Tauhid bukanlah sekadar teori bahawa Tuhan itu satu tetapi pada hakikatnya Tauhid membentuk pandangan sarwa (*worldview*). Tauhid yang kental itu tidaklah bersifat menyendiri bahkan hendaklah bersepadu dengan kehidupan harian. Prinsip Islam tentang kedaulatan merujuk kepada kedaulatan Syari'at dan juga kedaulatan rakyat. Pengarang menolak pandangan bahawa agama hanyalah berkaitan urusan manusia dengan Tuhan sahaja melalui amalan tertentu yang terhad kerana Islam adalah sistem hidup yang lengkap dan menyeluruh. Moderasi Islam (*Wasatiyyat al-Islam*) turut menjadi teras yang penting. Ia menjadi ciri sejati Islam sebagai agama damai dan ramah. Pengarang mengemukakan *Wasatiyyah* sebagaimana takrifan oleh A Yusuf Ali sebagai *justly balanced*. Demikian juga ia difahami sebagai tidak ketat dan tidak longgar. Sehubungan dengan itu, Islam menolak sebarang bentuk kekerasan dan menentang teroris.

Tema ketiga buku ini membahaskan tentang Kepimpinan. Tema ini dimuatkan dalam dua makalah iaitu "Kepimpinan Politik Melayu: Dari Tradisi ke Demokrasi Islami" dan "Jati Diri Melayu: Memaknai Fenomena Keislaman dalam Sejarah Bangsa." Kedua-dua makalah ini menarik perhatian kepada pentingnya kepimpinan dan jati diri dalam mengangkat kedudukan bangsa.

Sudah pasti, kepimpinan terbaik yang menjadi suri teladan dan contoh ikutan adalah keperibadian Rasulullah SAW. Selepas itu, ikutan terbaik ialah Khulafa' al-Rasyidun. Kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu yang pesat pada abad ke-13M telah memberikan citra kepimpinan yang baru. Konsep *deva raja* (raja sebagai jelmaan dewa) berubah kepada *al-sultan zillu 'Llahi fi 'l-ardh* (sultan bayangan Allah SWT di bumi). Pada era penjajahan di Kepulauan Melayu, berlaku pertarungan antara golongan ulama dengan mereka yang tercabut dari akar tradisi Melayu. Pada zaman pasca penjajahan pula, masalah kualiti kepimpinan menjadi perhatian.

Pengarang mengemukakan kualiti kepimpinan yang perlu menurut Syed Hussein Alatas iaitu integriti etika, kemampuan berfikir, stamina berfikir dan bekerja untuk pembangunan. Selanjutnya, pengarang mengkritik kualiti kepimpinan Melayu yang menghadapi gejala kepedaran idealisme. Hal ini terkait dengan kaedah pemilihan pemimpin yang ditentukan oleh kemenangan dalam suatu proses perebutan. Kadang-kala seseorang itu memperoleh kemenangan melalui kekuatan kewangan, kelicikan dan kecurangan sedangkan dia tidakpun memiliki kualiti kepimpinan yang meyakinkan.

Kepimpinan dan jati diri Melayu turut mendapat perhatian pengarang. Islam telah memainkan peranan yang amat signifikan dalam pembentukan jati diri Melayu. Kegiatan dakwah sejak awal telah merubah zaman gelap kepada kecerahan. Dalam hal ini, wujud keserasian antara Islam dan Melayu sehinggakan masuk Islam, disifatkan sebagai masuk Melayu. Islam menyumbang kepada perkembangan intelektualisme Melayu. Cabaran kepimpinan Islam-Melayu kini ialah untuk merealisasikan *maqasid syariah* dalam pluraliti agama, kaum dan budaya.

Tema keempat berkaitan dengan Ilmu, Bahasa dan Sastera. Ia tertuang dalam makalah yang bertajuk “Ilmu, Bahasa dan Pembangunan Bangsa” dan “Bahasa dan Sastera: Peranannya dalam Pembinaan Tamadun Bangsa.” Makalah ini menekankan tentang peri pentingnya peranan ilmu, bahasa dan sastera dalam meningkatkan martabat umat dan daulat rakyat yang berpaut pada akar tradisinya. Islam melalui misi *Iqra'* (Bacalah) telah berjaya melakukan reformasi dan transformasi yang hebat. Ia merubah pengembala kambing menjadi ilmuwan. Ilmu diletakkan di puncak set nilai budaya. Usaha ke arah pembudayaan ilmu memerlukan langkah pasyarakatatan, pemerataan dan pendemokrasian. Pembudayaan ilmu akan dapat dilakukan sekiranya ilmu tidak dipencilkan, tidak bersifat eksklusif dan tidak elitis.

Pengulas bersetuju dengan pendirian pengarang bahawa pembelajaran dan pengajaran yang paling berkesan perlu dilakukan dalam bahasa ibunda. Pengarang menegaskan bahawa bahasa ibunda seperti Bahasa Melayu mempunyai kaitan dengan budaya, batin bangsa dan menjadi pusat kepekaan jiwa. Pengarang membawakan firman Allah dalam surah Ibrahim, ayat 4 yang bermaksud:

“Dan kami tidak mengutuskan seorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. Maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikendakiNya (menurut undang-undang peraturannya), juga memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakinya (menurut undang-undang peraturannya); dan Dialah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

(Ibrahim 14:4)

Bahasa bukan sekadar terhad sebagai alat perhubungan semata-mata. Ia melambangkan jati diri bangsa seperti ungkapan “bahasa menunjukkan bangsa”. Bagi pengarang, tingkah laku memperlekehkan bahasa sendiri adalah sesuatu yang tidak dapat diterima dan disifatkan sebagai dosa budaya. Yang juga penting ialah bahasa ibunda yang kaya itu digunakan dengan betul dan indah.

Sastera berperanan sebagai sumber yang mendorong ke arah perubahan sosial dan budaya melalui karya yang menarik, bermakna dan mengesankan. Sastera Islam yang meresap dalam budaya Melayu semestinya beradab, realistik, positif dan berupaya memainkan peranan transformatif untuk merubah realiti yang ada dan memperbaikinya (*taghyir al-waqi' wa tahsinuhu*). Masih banyak khazanah bahasa dan sastera tradisi yang belum dikaji dan dinikmati sebagaimana sepatutnya.

Pengarang turut mengulas tulisan Francis Fukuyama (1993) yang bertajuk *The End of History* dan tulisan Samuel P. Huntington (1996) yang berjudul *Clash of Civilizations*. Apa yang menarik ialah kritikan dan penegasan pengarang bahawa budaya global sebenarnya adalah usaha dominasi dan hegemoni ketamadunan Barat ke atas tamadun yang lain. Hal ini kerana sikap Barat yang berasakan diri mereka unggul.

Tema terakhir iaitu tema kelima di dalam buku ini mengemukakan Strategi Mengangkat Martabat Umat dan Daulat Rakyat. Dimensi ini dibincangkan dalam makalah “Hidup Berakal Mati Beriman: Kembali ke Akar Melayu-Islam”, “Pemikiran Melayu: Menyorot Tema-tema Besar Tradisi Keilmuan Serantau” dan “Pemeriksaan Budaya Melayu: Mewaspadai Rempuhan Globalisasi”.

Pengarang menegaskan bahawa selagi Melayu memiliki kekuatan ilmu dan iman, maka Melayu tidak akan hilang di dunia. Yang menyedihkan ialah Melayu sedang menghadapi krisis diri yang telah melahirkan Melayu yang sekerat Melayu, sekerat Inggeris dan munculnya kelompok Melayu keinggerisan. Akar jati diri Melayu harus dibina bersandarkan kepada Islam yang membawa bersamanya budaya yang mulia. Islamlah yang memberi makna kepada Melayu melalui pembentukan pandangan sarwa, teori falsafah ilmu dan sistem nilai. Melayu yang ideal ialah Melayu yang bersandarkan kepada konsep manusia yang memberi manfaat kepada orang lain dan konsep orang budiman.

Pandangan yang menyatakan bahawa Melayu adalah bangsa yang lemah dan malas telah dikritik oleh pengarang sebagai mitos ciptaan penjajah. Bagi beliau, nilai Melayu yang dibawa oleh Islam telah melahirkan masyarakat yang berilmu, adil dan berkualiti dengan akhlak yang mulia. Dalam hal ini, pengarang membawa hujah sokongan daripada penulisan sarjana seperti Syed Husein Alatas, Shaharuddin Maarof dan Amin Sweeney.

Kecemerlangan Melayu terbina daripada Islam. Islam telah membentuk pemikiran Melayu yang berasaskan tauhid, tasawuf dan *fiqh*. Pemikiran Melayu juga terbentuk melalui berguru kepada alam dan ia bersumber daripada bahan bahasa dan sastera. Pengarang mengutarakan tentang kosmopolitan pemikiran Melayu yang terangkum dalam wacana perbandingan agama dan dialog ketamadunan. Aspek ini masih terabai dan memerlukan kajian yang khusus dan mendalam.

Strategi yang ampuh bagi Melayu-Islam ialah menguatkan budayanya yang diyakini akan mampu membangunkan bangsa. Budaya yang kritis dan kreatif akan mengentalkan citra keIslaman Melayu. Hal ini penting bagi menghadapi rempuhan globalisasi yang sebenarnya merupakan projek pensejagatan budaya Amerika Syarikat. Globalisasai harus diwaspadai kerana tekanan dominasi dan hegemoni kuasa besar khususnya Amerika Syarikat. Kebimbangan ini berasas kerana tamadun yang terlepas dari wahyu Ilahi akan menyebabkan terhakisnya sifat kemanusiaan dan membawa krisis moral. Cabaran globalisasi akan dapat ditangani melalui pengukuhan jati diri dan pensegaran nilai tradisi.

Keistimewaan buku ini terletak kepada penghujahan yang baik tentang hubungan antara Islam dan Melayu. Islam dan Melayu mempunyai hubungan sejarah, masa kini dan masa hadapan. Pengarang berjaya mengemukakan fakta yang disokong oleh kajian sarjana dari pelbagai aliran pemikiran. Fakta itu pula dikupas dengan rasional dan meyakinkan.. Di samping itu, pengarang juga mengkritik beberapa pandangan yang tempang berasaskan penghujahan yang lebih seimbang.

Membaca buku ini turut memperkayakan kemahiran berbahasa Melayu dalam kalangan pembaca. Bahasa kepengarangan dalam buku ini segar, indah dan bertenaga. Bahasa tinggi yang digunakan mempamerkan keupayaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa budaya tinggi. Terdapat istilah yang bersifat inklusif dan keterangkuman konsep yang mungkin tidak mampu dilakukan oleh pengarang yang lain. Sebagai contoh, pengarang mengemukakan konsep “orang budiman” bagi menunjukkan keunggulan watak individu yang memiliki ciri beragama, berilmu, berakhlak, bersusila, bijaksana dan prihatin. Sementara kekuatan Bahasa Melayu itu begitu ketara, pengarang juga memasukkan istilah dan hujah dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris untuk tujuan meluaskan perbincangan.

Kekayaan unsur sastera juga terdapat dalam buku ini. Pengarang menyelitkan karya sastera yang seharusnya dihargai oleh pembaca. Banyak puisi dikongsikan dalam buku ini seperti puisi “Di Negeri Amplop” oleh Mustofa Bisri, “Kotak Suara” oleh Taufiq Ismail dan “Kesaksian Bapa Saija” oleh Rendra. Di samping itu, terdapat juga pantun dan ungkapan tradisonal yang menunjukkan hikmah kepujangaan bangsa.

Kekurangan buku ini hanyalah dari aspek pengulangan hujah dan fakta. Dapat dikesan fakta sama yang berulang-ulang dalam beberapa makalah. Hal ini tidak menghairankan kerana buku ini adalah himpunan makalah yang berserakan, kemudiannya dikumpul untuk dibukukan. Ia bukan dengan niat asal untuk penerbitan buku. Walau apapun, seperti catatan pengarang, “meskipun berulang tetapi tetap ada kelainan dari segi sudut pandang dan gaya pengungkapannya.”

Buku Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat merupakan karya besar yang wajar ditekuni kerana ia sangat menginspirasikan dan mengilhami pemikiran Islam dan Melayu. Kekuatan terbesar buku ini ialah kemampuan pengarang memadukan Islam dan Melayu secara harmonis dan tuntas. Tidak mudah menemui sarjana dan pengarang yang mampu menghuraikan secara meyakinkan hubungan harmonis antara Islam dan Melayu seperti yang dilakukan oleh Siddiq Fadzil. Buku ini sewajarnya menjadi bacaan wajib kepada umat dan rakyat untuk memperoleh kesedaran dan kefahaman yang lebih mendalam tentang Islam dan Melayu.

**Yus'aiman bin Jusoh @ Yusoff**

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden,  
Universiti Utara Malaysia.